

BAB 1:

PENGENALAN

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan yang sebenar mengisyaratkan suatu kegiatan penting dan terancang yang menghasilkan kebaikan. Dengan lain perkataan, ia merupakan suatu pergerakan dari keadaan buruk kepada baik, dari keadaan baik kepada yang lebih baik dan yang dapat mengekalkan keadaan yang baik tersebut (Wan Mohd Nor 2001).

Di Malaysia, prinsip pembangunan seimbang di antara pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan pengagihan kekayaan negara yang saksama kepada semua rakyat telah diamalkan sejak sekian lama di negara ini dan seterusnya dapat dinilai sendiri oleh rakyat melalui Kajian Separuh Penggal bagi Rancangan Malaysia yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada setiap tahun. Selain itu, prinsip pembangunan seimbang juga dilihat dari segi penglibatan sektor swasta dan sektor awam, dari segi jasmani dan rohani, dari segi yang kaya dan yang termiskin, dari segi pembangunan jangka panjang dan jangka pendek, dari segi dalam dan luar negara, dan sebagainya (Rancangan Malaysia Keenam 1991). Ini mencerminkan suatu usaha yang gigih di pihak kerajaan yang benar-benar faham mengenai peranan yang sepatutnya dimainkan oleh sebuah kerajaan yang amat peka kepada tanggungjawabnya.

Selain itu, keadilan di dalam pembangunan ekonomi amatlah penting bagi kebahagiaan seseorang dan juga bagi kestabilan dan perpaduan negara. Namun, ianya tidak dapat dicapai hanya dari sudut ekonomi sahaja. John Kenneth Galbraith menyatakan bahawa, "Tidak ada yang lebih penting bagi pembangunan ekonomi dan pengislahan manusia selain daripada kerajaan yang kukuh, berwibawa, cekap dan amanah." Keempat-empat unsur penting ini iaitu

kestabilan, kewibawaan, kecekapan dan amanah sebenarnya saling berkait di antara satu sama lain. Di sini, kestabilan negara merupakan akibat umum luaran daripada persyarikatan ketiga-tiga unsur ini. Ia tidak dapat dicapai dan pasti tidak dapat dikekalkan jika kerajaan tidak mengamalkan dasar yang diharap dapat melindungi rakyat jelata. Ini kerana, kerajaan tersebut tidak mempunyai ramai menteri dan penjawat awam yang cekap, berwibawa serta amanah (tidak menyalahgunakan kuasa, rasuah dan sebagainya (Wan Mohd Nor 2001).

Pada hakikatnya, apa yang dinyatakan di atas amatlah penting dalam usaha untuk mencapai keadilan di dalam pembangunan ekonomi negara. Tetapi, persoalannya sekarang ialah, adakah semua lapisan masyarakat dapat mengecapi pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan? Selain itu, dari segi pemberian projek-projek pembangunan negara, siapakah yang diberikan keutamaan oleh parti pemerintah untuk mendapatnya? Adakah terdapatnya unsur-unsur rasuah di dalam hal ini atau sebaliknya? Ini adalah antara persoalan-persoalan yang cuba dikaji oleh kertas kajian ini dan secara amnya, bab ini akan menerangkan latar belakang dan objektif kajian, pentingnya kajian ini dibuat, masalah serta batasan di dalam kajian ini, cara kajian ini dibuat dan akhirnya diterangkan secara ringkas keseluruhan bab di dalam kertas kajian ini.

1.2 Latar Belakang Dan Objektif Kajian

Objektif utama kertas kajian ini adalah untuk menganalisa atau mengukur sejauh mana campur tangan kerajaan (*state intervention*) di dalam pembangunan ekonomi negara (*economic development*) telah menyebabkan berlakunya rasuah. Selain itu, persoalan mengenai jenis atau bentuk campur tangan yang bagaimanakah yang boleh membawa kepada rasuah juga diberikan penekanan di dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, dua pembolehubah yang penting di dalam kajian ini ialah mengenai kaitan di antara pembangunan dan rasuah (*development vs corruption*).

Sekiranya diperhatikan dengan teliti, matlamat asal campur tangan kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara adalah untuk membantu firma-firma perniagaan atau perusahaan-perusahaan di dalam negara (*domestic firms*) serta *Multi National Corporations* (MNCs) untuk bersaing dengan lebih efektif di persada antarabangsa. Di antara kaedah (*instruments*) yang digunakan oleh kerajaan ialah seperti pemberian subsidi ataupun faedah, melonggarkan syarat pinjaman kewangan (dasar kewangan), melonggarkan syarat kemasukan buruh asing, *monopoly grants*, lesen, pengecualian cukai dan tariff, *regulation of foreign investment and foreign capital inflows*, menyediakan pusat latihan kemahiran dan perindustrian bagi membekalkan buruh mahir dan sebagainya.

Paolo Mauro (1997) menyatakan bahawa kebanyakan kaedah yang dibincangkan di atas diwujudkan semata-mata untuk membantu industri tempatan agar lebih berdaya saing. Walau bagaimanapun menurut beliau, dari segi pelaksanaannya, unsur-unsur rasuah masih lagi tidak dapat dielakkan daripada berlaku seperti berikut:

a. Sekatan Perdagangan (*Trade Restriction*)

Contohnya, untuk melindungi perusahaan automobil negara, kerajaan akan mengenakan sekatan import ke atas kereta-kereta dari luar negeri. Ini bermakna jumlah kereta-kereta yang diimport adalah terhad. Akibatnya lesen mengimport kereta menjadi amat berharga. Pengimport kereta akan bersaing di antara satu sama lain untuk mendapatkan lesen tersebut sehingga sanggup memberikan rasuah kepada pegawai awam yang diberikan kuasa mengeluarkan lesen tersebut.

b. Subsidi Kerajaan

Sebagaimana sekatan perdagangan di atas, pemberian subsidi kerajaan juga tidak terlepas dari unsur-unsur rasuah. Biasanya subsidi diberikan untuk membantu golongan yang miskin ataupun mereka yang menjalankan

perusahaan kecil dan sederhana. Tetapi, disebabkan rasuah, subsidi tersebut juga diberikan kepada mereka yang tidak layak menerimanya.

c. Kawalan Harga

Biasanya atas sebab-sebab sosial atau politik, kerajaan akan mengenakan kawalan harga bagi mengurangkan harga barang tertentu agar berada di bawah harga pasaran. Apa yang berlaku ialah, terdapat segolongan individu atau kumpulan tertentu yang sanggup merasuh pegawai awam agar memastikan permintaan ke atas barang berkenaan berada di tahap harga yang ditetapkan bagi membolehkan mereka terus mendapatkan keuntungan.

d. Pelbagai Kadar Pertukaran Wang Asing

Sesetengah negara mengamalkan pelbagai kadar pertukaran asing misalnya satu kadar untuk pengimport, satu kadar untuk pelancong dan satu kadar untuk pelabur. Pelbagai bentuk kadar pertukaran asing ini menyebabkan mereka cuba mendapatkan kadar pertukaran yang akan memberikan keuntungan kepada mereka.

e. Gaji Penjawat Awam Yang Rendah

Ini juga merupakan faktor penyumbang kepada berlakunya rasuah. Akibatnya, demi untuk mengatasi desakan hidup, mereka rela membelaikan amanah yang diberi dengan menerima rasuah.

f. Sumber Alam Semulajadi

Misalnya minyak, emas dan balak merupakan sumber rasuah yang mempunyai harga yang tinggi dan penjualannya dikawal oleh kerajaan bagi memastikan sumber hasil tersebut tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya. Akibatnya, setelah dirasuah, ada di kalangan penjawat awam yang sanggup melanggar peraturan kawalan tersebut dengan membenarkan penjualan yang melebihi had.

Sikap yang sedemikian telah menyebabkan berlakunya hakisan tanah akibat penebangan hutan yang tidak terkawal, simpanan minyak yang tidak mencukupi dan sebagainya.

g. Faktor Sosiologi

Dalam hal ini, disebabkan ada di kalangan ahli perniagaan yang mempunyai pertalian keluarga dengan penjawat awam berkenaan, maka keutamaan akan diberikan kepada mereka apabila berurusan dengan pejabat kerajaan berbanding dengan orang lain. Ini merupakan satu bentuk rasuah yang dipanggil *nepotism*. Selain itu, istilah *cronyism* juga digunakan bagi mereka (golongan korporat) yang rapat dengan tokoh-tokoh politik atau birokrat tertentu bagi memudahkan mereka mendapatkan kontrak atau projek-projek kerajaan.

Pada dasarnya, ketujuh-tujuh faktor yang diutarakan oleh Paolo Mauro (1997) di atas merupakan antara bentuk campur tangan kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara yang secara tidak langsung juga meyumbang kepada menularnya gejala rasuah di dalam sistem pentadbiran negara. Dengan lain perkataan, Mauro menyimpulkan bahawa semakin banyak campur tangan kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara, maka semakin tinggilah keinginan untuk memberi dan menerima rasuah.

Selain daripada campur tangan kerajaan sehingga menyebabkan berlakunya rasuah, kebanyakan penganalisa juga mendapati rasuah itu sendiri merupakan penghalang utama kepada pembangunan sebagaimana yang dikatakan oleh Daniel Lederman, Norman Loayza dan Rodrigo Reis Soares (November 2001).

Bukan itu sahaja, rasuah juga dikatakan menyekat pertumbuhan ekonomi dan juga mempengaruhi penggubalan sesuatu polisi ekonomi negara. Keadaan ini menjadi lebih serius sekiranya penggubal polisi itu sendiri mempunyai *patronage network* dengan golongan korporat. Oleh itu, kebanyakkan polisi yang dibuat

akan memberikan keuntungan di sebelah pihak sahaja dan tidak secara keseluruhan.

Di samping itu, selain daripada menyekat pembangunan negara, peluang-peluang yang terhad di dalam pembangunan ekonomi juga menyumbang kepada menularnya gejala rasuah sebagaimana yang dinyatakan oleh Chris Heymans dan Barbara Lipietz (September 1999) di dalam Sidang Kemuncak Anti Rasuah di Cape Town, Afrika Selatan pada 10 November 1998. Dalam hal ini, dikatakan bahawa golongan korporat yang telah *well-established* dan juga yang baru menceburkan diri di bidang perniagaan akan berebut-berebut di antara satu sama lain di dalam usaha untuk memperolehi projek-projek pembangunan negara. Dengan itu, pelbagai cara akan digunakan untuk mendapatkan projek tersebut dan ini termasuklah memberikan rasuah sama ada dalam bentuk wang, komisen atau sehingga sanggup membiayai kempen-kempen politik pemimpin-pemimpin tertentu semasa pilihanraya. Selalunya golongan korporat yang rapat dengan parti pemerintah atau dengan tokoh politik tertentu mempunyai peluang yang cerah untuk dianugerahkan projek berkenaan.

Di Sidang Kemuncak Anti Rasuah (1998) itu juga dinyatakan bahawa kesan rasuah yang dibuat oleh penjawat awam serta ahli politik yang korup ke atas ekonomi negara amatlah serius sehingga mereka sanggup mengenepikan kepentingan rakyat jelata. Misalnya Chris Heymans dan Barbara Lipietz (September 1999) telah mengatakan bahawa, Kerajaan Filipina sendiri telah kehilangan 20% daripada pendapatan negara pada tahun 1970 disebabkan oleh rasuah, manakala Nigeria dan juga Republik Zaire merosot Keluaran Dalam Negara Kasar mereka sebanyak 10% dan 25% disebabkan oleh faktor yang sama. Di Afrika Selatan pula semasa pemerintahan apartheid, kebanyakan kontrak yang diberi oleh Jabatan Bantuan Pembangunan, Pelajaran dan Latihan adalah berdasarkan kepada *nepotism* dan bukan mengikut merit. Begitulah keadaannya apabila terdapatnya campur tangan kerajaan di dalam

pembangunan ekonomi negara, maka rasuah sudah dijadikan sebagai sebahagian dari cara hidup mereka.

Selain itu, menurut *Global Competitive Report* 1997, kebanyakan firma yang berurusan dengan regim yang korup terpaksa menghabiskan masa yang lama untuk membincangkan permohonan lesen, permit, cukai dan sebagainya sebelum boleh diluluskan. Masa yang terbuang amatlah merugikan. Justeru itu, bagi mempercepatkan urusan, rasuah terpaksa diberi kepada penjawat awam tersebut. Mengikut kajian yang dibuat oleh *World Bank* ke atas 69 buah negara, didapati lebih 40% daripada firma-firma yang berurusan dengan regim yang korup terpaksa memberikan rasuah bagi mempercepatkan urusan mereka. Perkara ini diperkuuhkan lagi dengan laporan yang dibuat oleh *World Economic Forum: Global Competitiveness Report* 1996 yang menunjukkan bahawa, dari soal selidik yang dibuat ke atas 2,000 buah perusahaan di dalam 49 buah negara, didapati amalan rasuah adalah semakin meningkat apabila kerajaan mengenakan peraturan yang ketat ke atas urusan perniagaan.

Walau bagaimanapun, tidak semestinya peraturan ketat yang dikenakan oleh kerajaan akan menyebabkan berlakunya peningkatan kepada kes-kes rasuah. Misalnya kerajaan Singapura diakui mengenakan peraturan yang ketat ke atas urusan kerajaan yang dijalankan tetapi kadar rasuah di negara tersebut adalah jauh lebih rendah berbanding dengan negara-negara Asia yang lain. Apa yang penting di sini ialah, peraturan tersebut perlulah jelas dan teratur serta difahami oleh segenap lapisan masyarakat yang berurusan dengan kerajaan.

Pada bulan Disember 1997, *Organisation For Economic Co-Operation And Development (OECD) Council of Ministers* telah menandatangani satu *Convention On Combating Bribery of Foreign Public Officials In International Business Transactions* yang antara lainnya bersetuju dan seterusnya mencadangkan bahawa rasuah yang melibatkan penjawat awam merupakan satu jenayah yang perlu di atasi dan diuruskan dengan cekap dan berkesan. Misalnya pihak *Interpol (International Police)* sendiri telah menujuhan satu

pasukan petugas khas bagi membentras jenayah rasuah antarabangsa. Pihak polis dari negara-negara yang terlibat akan bekerjasama bagi membawa pesalah rasuah yang cuba melarikan diri ke negara lain agar diberikan hukuman yang setimpal di negara asal mereka. Ini bermakna, mereka (pesalah rasuah) tidak akan terlepas begitu sahaja walau di mana mereka berada.

Selain itu, institusi kewangan antarabangsa juga tidak terlepas dari menerima kesan rasuah. Misalnya *World Bank* sendiri telah menerima kritikan yang hebat apabila memberikan peruntukan kewangan yang banyak ke atas projek-projek pembangunan yang kurang jelas kepentingannya serta menjejaskan alam sekitar khasnya di negara-negara sedang membangun. Pada bulan Jun 1995, James Wolfenson telah dilantik sebagai Presiden baru kepada *World Bank*. Antara tindakan awal beliau setelah dilantik ialah merombak semula strategi anti-rasuah *World Bank* dan juga *International Monetary Fund (IMF)* bagi memastikan dana atau peruntukan kewangan yang diberi tidak disalahgunakan. Dari audit mengejut (*spot audit*) yang dibuat, IMF telah memotong sebanyak US\$120 juta pinjaman kepada Kemboja apabila didapati Kemboja gagal menjelaskan jumlah pendapatan yang diperolehi dari konsesi balak di negara itu. Begitu juga di Nigeria, Sudan, Afghanistan dan di negara-negara lain, bantuan telah ditangguhkan sementara waktu memandangkan bantuan tersebut tidak sampai kepada rakyat yang memerlukannya tetapi telah diagih-agihkan terlebih dahulu di kalangan anggota parti atau regim yang memerintah negara-negara tersebut (www.imf.gov).

Di samping itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah melancarkan *Global Programme On Corruption* bagi membantu agensi-agensi kemanusiaan dan bantuan antarabangsa seperti *European Union*, *British Department for International Development (DFID)*, *US Agency for International Development (USAID)* dan juga *United Nations Development Programme (UNDP)* di dalam menyalurkan bantuan kepada negara-negara yang benar-benar memerlukannya. Ini adalah penting bagi memastikan kehidupan rakyat jelata yang miskin terbelah dan tidak menjadi pelarian di negara sendiri akibat pergolakan politik atau

perebutan kuasa serta juga rasuah yang tidak diketahui bila akan reda (www.un.org).

Walau bagaimanapun, menurut Chris Heymans dan Barbara Lipietz (September 1999), terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa ada masanya 'rasuah' juga dijadikan sebagai satu mekanisma untuk mempercepatkan proses pembangunan negara. Ini bermakna, rasuah bukanlah suatu perbuatan yang selalunya memberikan kesan yang tidak baik kepada pembangunan sebagaimana kata mereka:

"Corruption helps to streamline burdensome bureaucratic regulations and ineffective legal systems, and that briber could serve as 'speed money', enhancing efficiency by cutting the considerable time needed to process permits and paperwork."; dan mereka menyambung, *"We actually don't mind if government officials are corrupt. As long as they accomplish things for society at large, that's okay. What we don't like are those officials who take public money and don't perform."*

Sekiranya diteliti, didapati pendapat di atas akan menggalakkan lagi gejala rasuah di dalam pembangunan ekonomi negara. Apabila seorang sahaja yang berpendapat sedemikian mungkin tidak memberikan kesan yang besar tetapi apakah akibatnya jika segolongan besar berpendapat sedemikian. Yang pastinya ia akan mencetuskan suatu budaya rasuah di dalam setiap aktiviti yang hendak dilaksanakan sebagaimana yang berlaku di India, Indonesia dan di kebanyakan negara dunia ketiga yang lain.

1.3 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan kajian ini akan dapat melihat kaitan di antara pembangunan dan rasuah di dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara khasnya di Malaysia. Pada hakikatnya rasuah boleh berlaku di mana-mana sahaja asalkan ada pihak yang menawarkan rasuah dan ada pula yang sanggup menerima. Inikan pula dalam soal pembahagian projek-projek pembangunan negara.

Biasanya mereka yang rapat (kroni) atau mempunyai pertalian keluarga (nepotisme) dengan golongan birokrat ataupun tokoh politik parti pemerintah akan mendapat keutamaan untuk dianugerahkan projek-projek pembangunan kerajaan. Perkara ini bukannya suatu yang baru tetapi telah menjadi lumrah kehidupan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara-negara lain misalnya di zaman Presiden Marcos di Filipina, Presiden Suharto di Indonesia dan sebagainya.

Inilah yang cuba dikaitkan oleh kertas kajian ini di mana campur tangan kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara bukan sahaja menggalakkan rasuah malahan mewujudkan satu bentuk rasuah yang berupa kronisme atau nepotisme. Sebenarnya perkara ini telahpun dibincangkan oleh media di rantau ini umpamanya:

"Practically every businessman has had to ingratiate himself with politicians. For a long time, criticism of cronyism was not taken seriously because there was no violation of the law as such. Corruption was different because it was illegal, while cronyism was considered to be legal." (Jomo, Asiaweek 3/11/ 2000)

Di samping itu, kertas kajian ini juga cuba menyatakan bahawa tidak semua campur tangan kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara itu menyumbang kepada menularnya gejala rasuah sebagaimana kata seorang ahli sains politik Korea Selatan, Professor Lee Ki Taek dari Universiti Yonsei:

"Political maturity or political will is the only way to curb cronyism and corruption. The important thing is, transparency must be imposed in all aspects of politics and business, particularly when it comes to the interaction of vested interests and officials. Cronyism will gradually disappear if we have a legal and transparent lobbying system." (Tae-Dong Kim 1999)

1.4 Masalah Dan Batasan Dalam Kajian

Persoalan penting di dalam kajian ini ialah mengenai rasuah itu sendiri kerana rasuah dikatakan lumrah berlaku tetapi sukar dibuktikan sebagaimana yang dikatakan bahawa, "*interviews, questionnaires and statistics cannot be applied with confidence to the study of corruption*" (Syed Hussein Alatas 1986). Di samping itu, perbuatan rasuah adalah perbuatan yang sentiasa dibayangi dan diselubungi dengan pelbagai kesangsian. Syed Hussein Alatas (1999) mengakui bahawa adalah sukar untuk menjalankan penyelidikan mengenai rasuah dan mereka yang menjalankan kajian tersebut akan menghadapi masalah di dalam menentukan metodologinya. Seterusnya beliau menegaskan:

.... "Anyone attempting a sosiological analysis of corruption will eventually be confronted by a methodological problem. Accepted and generally applied methods of social research such as *interviews, questionnaires and statistical analysis cannot be applied here as long as corruption is considered as a shady transaction*. The most that a sociologist can do is to observe the phenomenon and its effect and to gather as much as confidential information as possible. Even public disclosure of corruption, such as those accompanying a fallen regime, do not reveal as much as there is to be revealed."

Vito Tanzi (1998) bersetuju dengan kenyataan Syed Hussein Alatas (1999) di atas dan menyatakan bahawa, "*If corruption could be measured, it could probably be eliminated. In fact, conceptually it is not even clear what one would want to measure.*"

Walau bagaimanapun, The Hungarian Gallup Institute (1999) menyatakan bahawa:

"There are three widely used 'scientific' methods in the field of corruption evaluation. We use quote-marks to remind us that, for the above reasons, there is a consensus that real volume of corruption cannot be measured or

calculated. However, there are approaches, which indicate the spread of corruption in societies, these methods are: Measuring General Or Target-Group Perception Concerning Corruption; Measuring Incidences Of Corruptive Activities; and Using Expert Estimates About The Level Of Corruption."

Walau bagaimanapun, rasuah masih lagi dianggap oleh kebanyakan orang sebagai suatu perkara yang salah, tetapi apabila rasuah menjadi lumrah dilakukan, maka rasuah akan dianggap sebagai kebiasaan sahaja. Justeru itu, agak sukar untuk dibuktikan bahawa seseorang itu melakukan rasuah kecuali telah terbukti di mahkamah bahawa ia melakukan rasuah. Inikan pula kajian yang sebegini. Misalnya, soalan yang hendak ditanya semasa sesi wawancara serta senarai soalan soal selidik perlu ditapis terlebih dahulu oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) serta Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM) agar tidak terdapat soalan-soalan yang sensitif ataupun yang mengundang kontroversi. Di samping itu, proses tapisan tersebut memakan masa lebih dua minggu sehingga ke sebulan sebelum keputusan dibuat sama ada wawancara boleh dibuat ataupun soalan soal selidik boleh diedarkan kepada semua pegawai dan kakitangan EPU, BPR dan KTKM. Akhirnya, setelah sebulan menunggu, hanya wawancara yang dapat dibuat bersama pegawai-pegawai kanan dari EPU dan BPR. Berkenaan dengan soal selidik, setelah seminggu surat rasmi dihantar, maka barulah pihak pengurusan KTKM bersetuju membenarkan borang-borang soal selidik diedarkan kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut.

Begitulah sensitifnya mereka kepada rasuah, lebih-lebih lagi sekiranya rasuah itu berlaku semasa pembangunan ekonomi negara sedang pesat membangun di mana semua orang yang berkepentingan akan melakukan apa sahaja termasuk memberikan rasuah ataupun menggunakan nama tokoh-tokoh politik tertentu semata-mata untuk memenangi atau memperolehi projek-projek pembangunan negara.

Selain daripada persoalan besar di atas, kertas kajian ini juga tidak terlepas dari mengalami beberapa masalah lain seperti berikut:

a. Kurangnya Pemulangan Semula Borang Soal Selidik

Ini merupakan masalah utama yang sememangnya dijangka akan berlaku dalam setiap soal selidik yang dijalankan. Berdasarkan kepada maklumbalas yang diberikan oleh responden, perkara ini berlaku disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- i. terdapatnya beberapa soalan yang dikatakan terlalu sensitif ;
- ii. responden bersikap berkecuali dan enggan bekerjasama (katanya maklumat yang dikehendaki adalah rahsia); dan
- iii. terdapat juga responden yang memulangkan semula borang soalselidik tetapi tidak dijawab dengan sempurna sehingga ada yang tidak sesuai direkodkan datanya.

b. Tempoh Masa Yang Panjang Untuk Membuat Kajian

Bagi menjalankan kajian ke atas tajuk yang sedemikian, ia memerlukan masa yang panjang.

c. Keperluan Masa Dan Perbelanjaan Yang Tinggi

Di dalam kajian ini, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan juga Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya telah dipilih sebagai sampel kajian. Ini bermakna, terpaksa berulang-alik dari pejabat di Damansara ke Putrajaya untuk mendapatkan maklumat dari responden tersebut. Sesungguhnya ini memakan masa yang lama dan juga perbelanjaan yang tinggi yang perlu ditanggung.

1.5 Kaedah Kajian

Perenggan ini akan menerangkan mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan kaedah kajian yang merangkumi cara pengumpulan data primer dan sekunder, kaedah persampelan dan proses menganalisa data.

Cara Pengumpulan Data

Kebanyakan data sekunder diperolehi dari laporan-laporan tahunan EPU dan juga BPR, laman web EPU dan BPR, laporan tahunan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM), keratan-keratan akhbar, majalah, kertas-kertas kerja serta thesis yang menyentuh mengenai persoalan rasuah dan pembangunan negara, dan sebagainya. Manakala data primer pula diperolehi dengan cara berikut:

i. Temubual

Temubual merupakan salah satu cara pengumpulan data di dalam kajian ini. Biasanya surat rasmi beserta dengan senarai soalan yang berkaitan dengan tajuk kajian akan dihantar terlebih dahulu kepada EPU, BPR dan Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim di Putrajaya, serta KTKM di Damansara bagi membolehkan mereka membuat persiapan bagi menjawab setiap soalan yang akan dikemukakan semasa sesi temubual nanti. Ini adalah penting bagi memastikan topik perbualan tidak meyimpang dari tajuk sebenar di samping menjimatkan masa penemuduga dan juga responden. Sekiranya temubual tidak dapat dibuat, responden juga boleh menjawabnya secara bertulis.

ii. Soal Selidik

Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada semua pegawai dan kakitangan di KTKM. Ini memandangkan kaedah soal selidik sering kali digunakan sebagai salah satu kaedah pengumpulan data kerana ianya memberi peluang kepada penyelidik untuk memperolehi maklumbalas daripada responden yang ramai serta menjimatkan masa bagi pengumpulan data. Selain daripada itu,

penggunaan soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas responden terhadap soalan yang diberi kerana gerakbalas atau jawapan yang diberi tidak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkahlaku penyelidik.

Di samping itu, penggunaan soal selidik juga menjamin kesahan respon yang diberi oleh responden dan dengan itu menggalakkan responden memberi respon yang tepat berdasarkan kepada pandangan mereka sendiri. Respon yang tepat mengikut pandangan responden sendiri adalah penting untuk kajian ini. Walau bagaimanapun, kebaikan utama menggunakan kaedah soal selidik ialah jika disediakan dengan baik, ia dapat menghasilkan item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Di dalam kajian ini, soalan-soalan di dalam borang soal selidik disediakan berdasarkan kepada situasi semasa politik dan pembangunan negara, dan seterusnya di *finalize* kan oleh supervisor bagi kertas kajian ini.

III. Populasi dan Persampelan

Sebagaimana yang dibincangkan di atas, populasi kajian ini terdiri daripada 173 orang pegawai dan kakitangan dari pelbagai peringkat perjawatan dari Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM). Dari jumlah tersebut, seramai 120 orang telah terpilih secara rawak untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan kepada 95% *confidence level* dan 5 *confidence interval* yang boleh didapati dari pengiraan di halaman <http://www.surveysystem.com/sscalc.htm>.

Di dalam persampelan rawak, setiap unit di dalam populasi mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Persampelan rawak menunjukkan peluang yang sama untuk memasuki proses pemilihan. Sekiranya diteliti, persampelan amatlah penting di dalam sesuatu kajian dan digunakan untuk memperolehi maklumat yang berguna berkaitan dengan populasi. Di sini, data akan diambil daripada sampel dan kesimpulan adalah dibuat terhadap populasi sebagai sebahagian daripada proses pentadbiran statistik. Soal selidik

yang dibuat dengan teliti akan digunakan untuk memperolehi data yang dikehendaki. Penyelidik kemudiannya akan menganalisis data yang diperolehi dari jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh para responden. Ringkasan dan keputusan kajian akan disediakan berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi. Biasanya sampel yang sempurna akan dapat memberikan maklumat yang amat berguna di dalam proses membuat keputusan.

1.6 Ringkasan Bab

Struktur kertas kajian ini bermula dengan Bab 1 yang menghuraikan dengan panjang lebar mengenai latar belakang dan objektif kajian, kepentingan kajian dibuat serta masalah atau batasan yang dihadapi semasa menjalankan kajian ini. Di akhir Bab 1 dihuraikan pula mengenai kaedah kajian dilakukan yang meliputi teknik pengumpulan data, penentuan populasi dan juga persampelan.

Ini diikuti pula dengan Bab 2 yang akan menerangkan mengenai konsep asas pembangunan beserta dengan definisi pembangunan itu sendiri. Dihuraikan juga mengenai petunjuk kepada pembangunan, rasional diperlukan pembangunan dan seterusnya diikuti dengan kajian-kajian mengenai pembangunan. Di dalam Bab 2 juga diterangkan mengenai konsep asas campur tangan kerajaan, mengapa kerajaan perlu campur tangan dan akhirnya dihuraikan kesan campur tangan kerajaan di dalam pembangunan negara. Seterusnya Bab 2 memfokuskan huraianya kepada sejarah pembangunan negara Malaysia yang meliputi perbincangan kepada soal formula pembangunan negara Malaysia, kejayaan pembangunan negara Malaysia, kritikan-kritikan terhadap pembangunan negara Malaysia dan akhirnya diterangkan secara panjang lebar mengenai kesan campur tangan kerajaan di dalam pembangunan negara sehingga mewujudkan kelas menengah Melayu, kelas kapitalis Melayu, UMNO *political hegemony* dan kronisme di dalam politik Melayu.

Bab 3 pula memfokuskan perbincangan kepada konsep asas rasuah, definisi rasuah, bentuk-bentuk rasuah, kajian-kajian mengenai rasuah, punca utama

jenayah rasuah dan mengenai kesalahan rasuah itu sendiri. Bab 3 juga menerangkan mengenai fungsi dan bidangkuasa Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia, senario rasuah di Malaysia dari zaman penjajahan British di Tanah Melayu sehingga sekarang. Diterangkan juga di dalam Bab 3 mengenai hubungkait di antara rasuah dengan faktor-faktor lain misalnya kaitan di antara rasuah dengan politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Seterusnya bagi menyokong tajuk kertas kajian ini, maka dibawakan kajian mengenai keskes rasuah yang telah berlaku di Malaysia misalnya yang melibatkan Datuk Haji Harun Idris, Datuk Saidin Thamby, Datuk Waad Mansor dan sebagainya. Kajian kes rasuah ini memfokuskan kepada isu politik wang, salahguna kuasa untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga, hidup bermewah-mewah di kalangan pemimpin politik serta penjawat awam tertentu dan sebagainya. Selain itu, kajian kes rasuah ini juga cuba untuk menunjukkan sejauh manakah ketelusan BPR serta Badan Kahakiman di negara ini di dalam menangani permasalah rasuah di dalam negara serta mengenakan hukuman yang setimpal ke atas kesalahan rasuah yang dilakukan tanpa mengira pangkat dan status seseorang.

Bab 4 pula akan memberikan huraian secara terperinci mengenai hasil kajian yang telah dijalankan, iaitu hasil dari soal selidik yang telah dibuat ke atas pegawai dan kakitangan di Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM) serta juga hasil dari wawancara ke atas pegawai-pegawai kanan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan BPR, serta dari wawancara eksklusif bersama Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

Akhir sekali, Bab 5 akan memberikan kesimpulan serta cadangan bagi kertas kajian ini.